

Pendidikan awal hasilkan anak pintar

Kosmo 8/06/2010 MIS 11

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.alyasa@kosmo.com.my

READ MALAYSIA '10
Book · Education · Knowledge

4-13 Jun 2010
11 Pagi - 10 Malam
MIECC, MINES Resort City

KUALA LUMPUR - Setiap kanak-kanak dilahirkan bijak, namun kesilapan ketika mendidik menyebabkan potensi sebenar mereka gagal menyerlah.

Menurut Presiden Pusat Pengembangan Otak Kanan Kanak-Kanak TweedleWink, Wennie Sun, perkembangan awal otak kanak-kanak bermula sejak lahir hingga enam tahun dan ia bermula dari otak kanan.

"Otak kanan belajar dengan cara dan kaedah berbeza. Ia memerlukan kasih sayang, rasa gembira, penerimaan, ingin bermain malah ia tidak mempunyai batasan dan tidak dapat menilai kerana ia bersifat gambar.

"Otak kiri pula mula berkembang ketika kanak-kanak berusia tujuh tahun dan pada masa itu sekiranya otak kanan pernah memberikan gambaran menggembirakan tentang pembelajaran, kanak-kanak tidak akan menolak pembelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan bertajuk *Bagaimana Un-*

tuk Menjadikan Otak Anak Anda Lebih Harmoni dan Integrasi pada pameran buku Read Malaysia '10 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia, Mines Resort City di sini semalam.

Jelas Wennie, kaedah pendidikan di Asia menyebabkan perkembangan otak kanan kanak-kanak terhenti kerana mereka lebih didedahkan dengan otak kiri.

"Apabila kanak-kanak masuk darjah satu mereka dikehendaki duduk diam, tangan bercakap dan ikut sahaja arahan yang merupakan sebahagian aktiviti otak kiri, jadi aktiviti otak kanan tidak berkembang," jelasnya.

Tambah beliau, jika ibu bapa menekankan input yang betul kepada setiap kanak-kanak pada peringkat awal, kebijaksanaan mereka akan terserlah.

"Ibu bapa jangan terlalu ingin mendapat keputusan dengan cepat dan mendesak



Info aktiviti hari ke-4 Pameran Buku Read Malaysia '10

PENYANYI, Aizat (tiga dari kanan) turut memeriahkan pameran Read Malaysia '10 di Kuala Lumpur semalam.

anak anda, biar mereka gembira kerana apabila kanak-kanak merasa tenang, otak kanan akan terus berkembang dan kebijaksanaan mereka akan terserlah," ujarnya.

- **12 tengah hari hingga 2 petang:**
- Pertandingan nyanyian Kumpulan A.
- **2 petang hingga 2.45 petang:**
- Aktiviti bersama selebriti Zoey.
- **3 petang hingga 6 petang:**
- Pertandingan nyanyian Kumpulan B.
- *Talk: How to bring out your child genius in 10 minute a day* - Wennie Sun.